

USAHAWAN DAN KEUSAHAWANAN

Disiplin ilmu keusahawanan mempunyai sejarah perkembangannya yang tersendiri dalam mewarnai pentas akademik. Meskipun begitu, berdasarkan kepada kematangannya dalam dunia intelektual, bidang keusahawanan ini masih lagi dianggap sebagai satu cabang yang baru dalam ilmu pengurusan menjelang era moden. Berdasarkan kepada pandangan golongan pakar ekonomi, aktiviti keusahawanan adalah kunci atau pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Aktiviti ini telah pun dipraktikkan secara tidak langsung dalam permulaan peradaban manusia silam. Pada peringkat awal ia dilakukan dalam bentuk ekonomi sara diri dan kemudiannya dikembangkan kegiatan tersebut pada peringkat yang lebih luas di sesebuah negara. Apabila keperluan manusia semakin berkembang, aktiviti tersebut mula dikomersialkan di peringkat yang lebih global dan akhirnya wujudlah jaringan perdagangan dan perniagaan di peringkat antarabangsa.

Pembangunan keusahawanan boleh dilihat sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bidang ini, dalam aspek pembangunan negara bukan sekadar meningkatkan pendapatan serta pengeluaran, malah boleh mengubah struktur perniagaan dan membentuk masyarakat yang lebih berdaya maju. Usaha yang dilakukan untuk membangunkan aktiviti keusahawanan tersebut akan mengembangkan lagi budaya keusahawanan dalam masyarakat dan berupaya

membentuk komuniti yang lebih berdikari dan seterusnya menjadi pemangkin kepada kemunculan lebih ramai usahawan di kalangan anggota masyarakat.

DEFINISI KEUSAHAWANAN

Ilmu keusahawanan semakin berkembang subur bermula daripada idea asas sehinggalah ia menjadi satu disiplin ilmu yang tersusun dan komprehensif. Begitu juga dengan apa yang berlaku kepada golongan usahawan. Pada fasa awal mereka hanyalah berstatus pengusaha, peniaga, penjaja dan kemudiannya berubah menjadi ahli-ahli perniagaan korporat serta seterusnya menjadi golongan usahawan yang kreatif dan inovatif. Termasuk juga dalam ruang lingkup usahawan ialah individu yang memberi sumbangan manfaat kepada institusi masyarakat dalam pelbagai bidang keperluan manusia.

Ilmuan sering berpolemik untuk mendapat satu takrifan yang komprehensif dalam memerihalkan definisi dan fungsi keusahawanan. Bagaimanapun, untuk mencari satu definisi yang terbaik dan tepat tentang pokok persoalan tersebut agak sukar memandangkan takrifannya seringkali disemak dan ditafsirkan mengikut realiti dan keperluan manusia. Namun usaha yang dilakukan tersebut dianggap sebagai satu usaha yang positif terutamanya dalam gelanggang ilmiah, kerana ia dapat mengukuh dan menambah baik definisi tentang keusahawanan. Pokoknya, meskipun terdapat percanggahan pendapat disebabkan perbezaan pemahaman dari pelbagai bidang ilmu, namun ia dapat mencambahkan idea untuk menguatkan lagi definisi yang diterima pakai dalam mentakrifkannya.